

23 JAN 2001

Samy Vellu-Institut

PEMBINAAN INSTITUT PERUBATAN MILIK MIC BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Kerja-kerja pembinaan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia, milik MIC akan bermula bulan depan, kata presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata institut berharga RM320 juta yang terletak di Semeling, Kedah itu akan mempunyai empat fakulti -- perubatan, kejuruteraan, sains dan multimedia.

"Kita telah menyiapkan beberapa kerja seperti pelan. Saya percaya apabila selesai sebahagian kerja-kerja tanah, kita akan jemput Perdana Menteri untuk meletakkan batu asas bangunan pentadbiran dan dewan besar," katanya ketika waktu rehat mesyuarat Jawatankuasa Pusat MIC (CWC) di sini.

Samy Vellu berkata sebuah masjid dan sebuah kuil akan turut dibina di dalam kampus institut itu.

Buat permulaannya seramai 3,500 pelajar akan diambil dan bakal pelajar perlu mengikuti kursus matrikulasi yang akan dimulakan tahun ini, katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata mesyuarat CWC itu turut membincangkan mengenai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (Mapen II), yang MIC mempunyai tiga orang wakil.

"Saya percaya bila keputusan dibuat oleh kerajaan kita akan mengumumkan kandungan mengenai beberapa perkara melibatkan kemajuan masyarakat India melalui Mapen ini," katanya.

Beliau juga berkata persidangan perwakilan kebangsaan MIC akan diadakan pada 19 Mei di Johor Baharu, yang dijangka dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persidangan perwakilan negeri-negeri pula akan diadakan sepanjang bulan April," katanya.

-- BERNAMA

RV AFY RON